



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|--|-------------------|
| KATA PENDAHULUAN | vii |
| INTISARI LAPORAN | xi |
| AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI | |
| PENDAHULUAN | 3 |
| JABATAN PERHUTANAN NEGERI | 3 |
| Pengurusan Ladang Tumbuhan Ubatan | |
| MAJLIS SUKAN NEGERI | 16 |
| PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI | |
| Pembangunan Dan Pengurusan Kemudahan Sukan | |
| PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS | 30 |
| Perlis Comm Sdn. Bhd. | |
| PENUTUP | 47 |




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan/Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9

syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi dan pihak pengurusan Syarikat berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
14 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI

- Pengurusan Ladang Tumbuhan Ubatan

1.1. Projek Ladang Tumbuhan Ubatan dimulakan pada tahun 1998. Objektif penubuhan Ladang Tumbuhan Ubatan adalah untuk menambah kepelbagaiannya spesies herba di lapangan, menilai potensi kesesuaian tumbesaran, menilai permintaan pasaran pokok herba dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri melalui penjualan herba tempatan serta memastikan tidak berlaku *over harvest* tumbuhan herba. Jabatan Perhutanan Negeri (Jabatan) memperuntukkan kawasan seluas 25.3 hektar untuk tanaman ubatan herba Pokok Tongkat Ali dan Pokok Misai Kucing.

1.2. Antara komponen pelaksanaan projek adalah pembangunan asas ladang, kerja-kerja penyenggaraan, penyulaman (penggantian pokok yang mati) dan penambahan spesies tanaman herba serta membina bangunan Pusat Informasi Rimba Herba dan menaik taraf Pejabat Ladang Tanaman Herba Misai Kucing di Rimba Herba Perlis. Sejumlah RM1.41 juta telah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk menjayakan program ini. Peruntukan yang diperoleh bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM0.54 juta. Sejumlah RM0.41 juta atau 75.9% telah dibelanjakan untuk pembelian pelbagai spesies herba dan kerja penyenggaraan. Kutipan hasil bagi tempoh tersebut berjumlah RM12,882.

1.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan ladang tumbuhan ubatan adalah kurang memuaskan. Beberapa kelemahan dikenal pasti yang memerlukan perhatian sewajarnya dari pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi pengurusan ladang tumbuhan ubatan. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Penilaian potensi kesesuaian tumbesaran pokok tidak dibuat dan kawasan lapangan tidak dibangunkan sepenuhnya.
- Pengeluaran dan pemasaran herba/produk berdasarkan herba kurang memuaskan.
- Peralatan memproses herba tidak digunakan.
- Pusat Rawatan Alternatif Dan Spa belum beroperasi.

1.4. Bagi memastikan pengurusan ladang tumbuhan ubatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.

1.4.1. Jabatan perlu membuat penilaian potensi kesesuaian tumbesaran pokok dan penilaian permintaan pasaran tempatan pokok herba sebelum ditanam secara komersial.

1.4.2. Jabatan perlu mendapatkan kelulusan keselamatan daripada Kementerian Kesihatan sebelum herba yang diproses diagihkan kepada orang awam.

1.4.3. Jabatan hendaklah mengurus asetnya mengikut peraturan.

2. MAJLIS SUKAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pembangunan Dan Pengurusan Kemudahan Sukan

2.1. Negeri Perlis telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2014. Bagi menjayakan kejohanan sukan tersebut, Kerajaan Negeri merancang pembangunan sebuah asrama sukan, gelanggang tinju berserta sebuah Pejabat Sekretariat SUKMA dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, kemudahan sukan sedia ada juga akan dinaik taraf dan di senggara iaitu padang bola sepak dan hoki; Dewan Rakan Sukan; Stadium Utama Negeri; lapang sasar menembak dan memanah; gelanggang tenis, tinju, angkat berat, bola baling dan bola jaring; bilik latihan terjun dan gimnasium serta stor simpanan peralatan kano. Bagi mempersiapkan para atlet, kemudahan untuk latihan sukan juga akan disediakan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM17.05 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan perolehan kemudahan latihan sukan. Sehingga bulan Disember 2012, sejumlah RM9.61 juta telah dibelanjakan di mana 6 kemudahan sukan dengan kos berjumlah RM2.2 juta telah siap dibina dan dinaik taraf iaitu stor simpanan peralatan kano, padang bola sepak, gelanggang boling padang, Dewan Rakan Sukan, gelanggang bola baling dan bola jaring serta gelanggang angkat berat. Pembinaan asrama sukan dan gelanggang tinju yang dianggarkan bernilai RM9.4 juta sedang dilaksanakan. Manakala lain-lain kemudahan belum lagi dilaksanakan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya, pembangunan dan pengurusan sukan adalah baik dari segi kejayaan menyiapkan kebanyakan kemudahan sukan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dan memerlukan perhatian sewajarnya pihak pengurusan bagi meningkatkan sistem pengurusan Jabatan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah:

- Kemudahan yang disediakan tidak kondusif serta tiada peraturan penggunaan.
- Pengurusan penyenggaraan kurang memuaskan.
- Perkhidmatan pencucian dan pembersihan tidak memuaskan.

2.3. Bagi memastikan pembangunan dan pengurusan sukan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak pengurusan MSN/SUK:

2.3.1. MSN perlu memastikan projek dilaksanakan berkualiti dan kerja pembinaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

2.3.2. MSN perlu memastikan kemudahan gimnasium mempunyai peraturan penggunaannya.

2.3.3. MSN/SUK perlu memantau pelaksanaan kerja kontraktor pembersihan dan kawalan keselamatan bagi memastikan keselamatan dan kebersihan peralatan dan kemudahan sukan berada dalam keadaan yang baik.

2.3.4. MSN perlu memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya.

3. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

- **Perlis Comm Sdn. Bhd.**

3.1. Perlis Comm Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dan Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd.. Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Julai 2005 dengan modal yang dibenarkan dan berbayar berjumlah RM500,000. Pegangan saham Perbadanan adalah RM255,000 atau 51% manakala Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd. berjumlah RM245,000 atau 49%.

3.2. Syarikat memulakan operasi secara rasminya pada 1 Mac 2007 berikutan termeterainya Perjanjian Lesen (*Licence Agreement*) pada 13 Februari 2007 antara Perlis Comm Sdn. Bhd. dengan pihak syarikat telekomunikasi yang terdiri daripada Celcom (M) Berhad, Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.. Syarikat merupakan Syarikat sokongan Kerajaan Negeri Perlis dan memiliki lesen pemberi kemudahan rangkaian yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia serta menerima hak eksklusif daripada Kerajaan Negeri untuk membina, memiliki, menyewa dan menyenggara menara telekomunikasi di Negeri Perlis. Ia merupakan aktiviti utama Syarikat. Sehingga bulan Disember 2012, Syarikat telah mendirikan sejumlah 23 menara telekomunikasi di Negeri Perlis.

3.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik. Syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 hingga 2011 berjumlah RM0.16 juta, RM0.81 juta dan RM0.99 juta menjadikan keuntungan terkumpul pada tahun 2010 dan 2011 berjumlah RM0.55 juta dan RM1.23 juta berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM0.07 juta. Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai meningkat setiap tahun pada kadar

56.7% pada tahun 2011 berbanding 54.1% pada tahun 2010 dan 12.6% pada tahun 2009. Pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat adalah baik disokong oleh tadbir urus dan pengurusan kewangan Syarikat yang baik. Bagaimanapun masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi kewangan Syarikat. Antara perkara yang perlu mendapat perhatian adalah seperti berikut:

- Nisbah Semasa Syarikat yang rendah iaitu pada kadar 0.6:1 bagi tahun 2011 menunjukkan kemampuan Aset Semasa untuk ditukar segera kepada tunai bagi menampung Liabiliti Jangka Pendek adalah kurang memuaskan.
- Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat bagi tahun 2011 berada pada tahap kurang memuaskan iaitu 0.08:1.
- Kadar Pulangan Atas Ekuiti Syarikat pada tahun 2011 adalah sederhana iaitu pada nisbah 0.42:1.

3.4. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan Syarikat, berikut adalah syor Audit untuk dipertimbangkan:

3.4.1. Meningkatkan tahap pengurusan kos bagi meningkatkan margin keuntungan.

3.4.2. Mempelbagaikan aktiviti yang dapat meningkatkan keuntungan Syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 2 aktiviti dan satu pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Dua aktiviti tersebut adalah Pengurusan Ladang Tumbuhan Ubatan dan Pengurusan Kemudahan Sukan serta pengurusan syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis iaitu Perlis Comm Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada semua Ketua Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam Laporan ini.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

2. PENGURUSAN LADANG TUMBUHAN UBATAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Projek Ladang Tumbuhan Ubatan dimulakan pada tahun 1998 bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan penggunaan hasil hutan bukan kayu terutamanya tumbuhan ubatan secara perladangan. Pokok Tongkat Ali (*Eurycoma Longifolia Jack*) dan Misai Kucing (*Orthosiphon stamineus, Benth*) adalah 2 tumbuhan ubatan yang diberi keutamaan untuk ditanam. Berdasarkan beberapa kajian yang dilaksanakan oleh beberapa universiti tempatan, Pokok Tongkat Ali dipercayai boleh merawat angin dalam badan, demam malaria, gigitan serangga dan tenaga batin. Pokok Misai Kucing pula dipercayai boleh mengawal penyakit kencing manis, memperbaiki saluran kencing dan buah pinggang serta membantu mengelakkan penyakit batu karang.

2.1.2. Objektif penubuhan Ladang Tumbuhan Ubatan adalah untuk menambah kepelbagaiannya spesies herba di lapangan, menilai potensi kesesuaian tumbesaran, menilai permintaan pasaran pokok herba dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri melalui penjualan herba tempatan serta memastikan tidak berlaku *over harvest* tumbuhan herba. Jabatan Perhutanan Negeri (Jabatan) memperuntukkan kawasan seluas 25.3 hektar untuk tanaman ubatan herba Pokok Tongkat Ali dan Pokok Misai Kucing.

2.1.3. Antara komponen pelaksanaan projek adalah pembangunan atas ladang, kerja-kerja penyenggaraan, penyulaman (penggantian pokok yang mati) dan penambahan spesies tanaman herba serta membina bangunan Pusat Informasi Rimba Herba dan menaik taraf

Pejabat Ladang Tanaman Herba Misai Kucing di Rimba Herba Perlis. Sejumlah RM1.41 juta telah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk menjayakan program ini. Peruntukan yang diperoleh bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM0.54 juta. Sejumlah RM0.41 juta atau 75.9% telah dibelanjakan untuk pembelian pelbagai spesies pokok herba dan kerja penyenggaraan. Kutipan hasil bagi tempoh tersebut berjumlah RM12,882 seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Butiran Kutipan Hasil
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga Bulan Mei 2012

| Bil. | Jenis Hasil | Jumlah (RM) |
|---------------|--------------------------------|---------------|
| 1. | Jualan Pokok Herba | 210 |
| 2. | Jualan Buku Herba | 600 |
| 3. | Jualan Tiket Masuk Rimba Herba | 12,072 |
| Jumlah | | 12,882 |

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan ladang tumbuhan ubatan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah tertumpu kepada pengurusan ladang tumbuhan ubatan di Jabatan Perhutanan Negeri bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan pengurusan ladang tumbuhan ubatan seperti rekod tanaman, rekod terimaan dan keluaran, laporan pemantauan, laporan perbelanjaan dan minit mesyuarat yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh. Selain itu, lawatan tapak ke Taman Herba berkaitan telah diadakan.


2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan ladang tumbuhan ubatan kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:


- Penilaian potensi kesesuaian tumbesaran pokok tidak dibuat dan kawasan lapangan tidak dibangunkan sepenuhnya.
- Pengeluaran dan pemasaran herba/produk berdasarkan herba kurang memuaskan.
- Peralatan memproses herba tidak digunakan.
- Pusat Rawatan Alternatif Dan Spa belum beroperasi.

2.4.1. Prestasi Projek Kurang Memuaskan

2.4.1.1. Jabatan telah menyediakan kawasan seluas 18.3 hektar di Hutan Simpan Bukit Bintang untuk tanaman Pokok Tongkat Ali dari spesies *Eurycoma Longifolia Jack* (15 hektar) dan Pokok Misai Kucing (3.3 hektar). Selain itu, kawasan seluas 7 hektar di Hutan Simpan Mata Ayer juga dikhkususkan untuk tanaman Pokok Tongkat Ali. **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** menunjukkan tanaman Pokok Tongkat Ali dan Pokok Misai Kucing yang ditanam oleh Jabatan.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 14 September 2012

- a. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak merancang pembangunan keseluruhan kawasan yang diperuntukkan untuk tanaman herba. Sasaran bilangan pokok herba yang hendak ditanam juga tidak ditetapkan.
- b. Dari pada 25.3 hektar kawasan yang diperuntukkan untuk dibangunkan, hanya 7 hektar atau 27.7% kawasan telah ditanam dengan 17,125 pokok Tongkat Ali pada tahun 2007 dengan nilai perolehan berjumlah RM0.08 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2009, keseluruhan 17,125 pokok Tongkat Ali telah musnah dalam satu kebakaran. Sehingga kini, Jabatan belum membangunkan semula kawasan tersebut dengan alasan sering berlaku kebakaran. Bagaimanapun maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Bomba mendapati hanya satu sahaja aduan kebakaran diterima bagi kawasan tersebut dalam tempoh tahun 2008 hingga 2012. **Jabatan memaklumkan akan membangunkan kawasan seluas 6.2 hektar di Kompartment 22, Hutan Simpan Mata Ayer bagi menggantikan kawasan tersebut.**
- c. Lawatan Audit ke Rimba Herba Perlis pada bulan Julai 2012 mendapati sebanyak 295 anak pokok Tongkat Ali yang dibeli pada tahun 2008 masih belum dipindahkan ke lapangan. Lawatan susulan pada bulan September 2012 mendapat maklum daripada Pengawas Hutan bahawa sebanyak 112 daripada 295 anak pokok tersebut

telah mati. Temu bual dengan Pengawas Hutan yang bertanggungjawab mendapati ketiadaan kawasan yang sesuai untuk memindahkan anak pokok yang dibeli menyebabkan ia dibiarkan membesar dalam polibeg. Pihak Jabatan memaklumkan tujuan anak pokok Tongkat Ali diletakkan setempat adalah bagi menarik minat pelawat dan sebagai tujuan pembelajaran sementara menunggu tempat yang sesuai untuk dipindahkan. Keadaan anak pokok tersebut adalah seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3
Keadaan Anak Pokok Tongkat Ali Semasa Lawatan Pertama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012

Gambar 2.4
Keadaan Anak Pokok Tongkat Ali Semasa Lawatan Kedua



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 14 September 2012

2.4.1.2. Semakan Audit juga mendapati anak pokok Misai Kucing disemai melalui keratan batang. Ia dibiarkan sementara di dalam singki sehingga berakar, sebelum dipindahkan ke dalam polibeg. Jabatan tidak mengamalkan penanaman pokok Misai Kucing di lapangan disebabkan kos penyenggaraan yang tinggi selain kawasan yang diperuntukkan tidak sesuai. Jabatan didapati tidak membuat penilaian potensi kesesuaian tumbesaran pokok dan ujian kesesuaian tanah sebelum projek ini dilaksanakan. Oleh yang demikian kawasan seluas 3.3 hektar yang diperuntukkan untuk penanaman pokok Misai Kucing tidak dibangunkan sepenuhnya dan menjelaskan prestasi pelaksanaan projek. Keadaan batang pokok Misai Kucing sebelum dipindahkan ke dalam polibeg adalah seperti di **Gambar 2.5** manakala penanaman dalam polibeg adalah seperti di **Gambar 2.6**.

**Gambar 2.5
Pokok Misai Kucing
Yang Disemai Dalam Singki**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012

**Gambar 2.6
Pokok Misai Kucing
Ditanam Dalam Polibeg Secara Rapat**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 14 September 2012

2.4.1.3. Dalam maklum balas bertarikh 28 November 2012, Jabatan menangguhkan penanaman sebanyak 295 pokok Tongkat Ali di lapangan sehingga bulan Disember 2012 untuk tujuan pameran. Bagaimanapun, sebanyak 112 pokok telah mati disebabkan proses pertukaran saiz polibeg.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana hanya 27.7% sahaja daripada keluasan kawasan yang diperuntukkan ditanam dengan tanaman herba.

2.4.2. Pengeluaran Dan Pemasaran Herba/Produk Berasaskan Herba Kurang Memuaskan

2.4.2.1. Pemprosesan Herba Misai Kucing Tidak Dibuat Mengikut Prosedur Ditetapkan

- a. Jabatan telah mengeluarkan Prosedur Pengendalian Selepas Tuai bagi herba Misai Kucing untuk memastikan hasil yang dikeluarkan bebas daripada bahan asing dan kulat seperti berikut:
 - i. Daun hendaklah dikeringkan sebaik sahaja dipetik dari ladang;
 - ii. Bagi memastikan bahan bioaktif tidak musnah, suhu pengeringan hendaklah tidak melebihi 45° Celsius;
 - iii. Sistem pengeringan seperti menjemur di bawah matahari, ketuhar komersial atau ban pengeringan boleh digunakan; dan

- iv. Daun Misai Kucing yang telah dikeringkan hendaklah disimpan di dalam beg plastik dan ditutup rapi supaya tidak mudah diserang perosak atau dijangkiti kulat.

- b. Prosedur pengeringan selepas tuai disediakan oleh Jabatan dan dipamerkan di Rimba Herba Perlis seperti di **Gambar 2.7**.



Gambar 2.7
Prosedur Pengeringan Selepas Tuai
Yang Dipamerkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 02 Oktober 2012

- c. Lawatan Audit pada bulan Julai 2012 ke tempat pemprosesan daun Misai Kucing mendapati proses pengeluaran teh herba Misai Kucing tidak dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Keratan batang yang dituai hanya disimpan di atas para dan daun tidak dilerakan serta dikeringkan dengan segera. Ini disebabkan penuaian tidak dirancang dengan teliti selaras dengan kemampuan memproses daun Misai Kucing tersebut. Keadaan ini boleh menjelaskan kualiti daun Misai Kucing. Sepatutnya daun Misai Kucing dilerakan daripada tangkainya dan dijemur di dalam rak sehingga kering. Seterusnya, daun tersebut dikeringkan sekali lagi dengan menggunakan ketuhar elektrik. Pengawas Hutan tidak dapat memastikan suhu pengeringan disebabkan ketuhar elektrik tersebut tidak mempunyai penunjuk suhu. Daun yang kering akhirnya dikisar menggunakan alat pengisar elektrik sehingga menjadi serbuk herba. Herba yang telah diproses kemudiannya dimasukkan ke dalam bekas plastik bertutup. Pemerhatian Audit mendapati herba yang telah diproses tidak diuji dari segi kandungan nutrisi dan belum mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan bagi menentukan ia selamat digunakan.

- d. Ketidakpatuhan kepada Prosedur ini adalah disebabkan Pekerja Harian yang bertanggungjawab tidak diberi latihan secukupnya. Menurut Pengawas Hutan yang bertugas, Jabatan tidak menjual herba Misai Kucing yang diproses. Herba hanya diproses apabila mendapat permintaan daripada Kerajaan Negeri untuk sumbangan semasa majlis tertentu atau lawatan tetamu Kerajaan. Sehubungan itu, objektif program untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri tidak dapat dicapai.

- e. Keadaan keratan batang yang belum diproses dan ketuhar elektrik yang digunakan adalah seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**.

Gambar 2.8
Keadaan Keratan Batang Pokok Misai Kucing Yang Disimpan Di Atas Rak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012

Gambar 2.9
Keadaan Ketuhar Elektrik Yang Tidak Mempunyai Penunjuk Suhu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 14 September 2012

- f. **Maklum balas Jabatan bertarikh 28 November 2012 menyatakan sehingga kini Garis Panduan Pemprosesan Teh Misai Kucing yang lengkap masih belum disediakan. Arahan telah dikeluarkan kepada kakitangan supaya penuaian dibuat bersesuaian dengan keupayaan pemprosesan. Penunjuk suhu ketuhar elektrik telah dibaiki. Jabatan telah mengenal pasti Pusat Biotech Herba Perlis Technology Park Malaysia (TPM) yang baru dibina di Sungai Batu Pahat, Perlis untuk ujian kandungan nutrisi herba yang diproses dan akan mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan termasuk meletakkan tarikh luput. Latihan kepada Pekerja Harian telah dikenal pasti dengan perancangan latihan telah dibuat untuk dilaksanakan pada tahun 2013.**

Pada pendapat Audit, kaedah pemprosesan herba Misai Kucing hendaklah mematuhi prosedur atau piawaian yang telah ditetapkan bagi menjamin kualiti hasil yang dikeluarkan.

2.4.2.2. Penilaian Permintaan Pasaran Tempatan Pokok Herba Tidak Dibuat

- a. Bagi memastikan produk berasaskan herba ini dapat dipasarkan, kaedah pemasaran yang berkesan perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, Jabatan hendaklah merancang dan melaksanakan kaedah penilaian bersistematis bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan Jabatan ada membuat perancangan penilaian permintaan pasaran tempatan pokok herba dan produk berasaskan herba. Oleh itu Jabatan tidak dapat menentukan tahap permintaan pasaran tempatan bagi merangka pelan tindakan pemasaran yang bersesuaian. Jabatan memaklumkan tanaman pokok Tongkat Ali dan Misai Kucing yang diusahakan adalah untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran kepada pelawat serta pelancong luar yang jelas tersasar daripada objektif asal program. Oleh yang

demikian, objektif program tidak dapat dicapai di mana pokok herba yang ditanam tidak dipasarkan dan seterusnya tidak dapat menjana hasil Kerajaan Negeri.

- c. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) produk herba ini berpotensi sebagai agen anti kanser jika ada usaha dijalankan untuk meneruskan kajian sehingga Fasa Klinikal terutama dari segi keberkesanan dan keselamatan penggunaannya.
- d. **Maklum balas Jabatan bertarikh 28 November 2012 menjelaskan penilaian permintaan pasaran pokok-pokok herba dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2013.**

2.4.3. Peralatan Memproses Herba Tidak Digunakan

2.4.3.1. Selain memproses daun pokok Misai Kucing untuk dijadikan serbuk herba, Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha sama dengan USM untuk mengkaji kemungkinan herba Misai Kucing digunakan sebagai produk anti kanser halal. Kerajaan Negeri telah menerima geran peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) berjumlah RM1.0 juta yang disalurkan melalui Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Perlis (UPEN) bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta menghasilkan produk anti kanser halal. Sejumlah RM0.35 juta diperuntukkan untuk membeli mesin dan peralatan.

2.4.3.2. Semakan Audit mendapati, sebuah mesin *Continuous Counter Current Extraction* yang dibeli oleh USM dengan menggunakan peruntukan penyelidikan dan pembangunan daripada MOSTI bagi memproses daun Misai Kucing sehingga menjadi produk akhir dalam bentuk serbuk herba telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri yang kemudian menyerahkannya kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk kegunaan pelajar di Stesen Penyelidikan Agroteknologi, UniMAP Sungai Chuchoh. Bagaimanapun, mesin tersebut masih belum digunakan oleh pelajar UniMAP. Mengikut maklumat daripada Seksyen Agroteknologi, UniMAP memerlukan tambahan peruntukan kewangan untuk membeli sebuah lagi mesin bagi melengkapkan sistem untuk memproses serbuk herba Misai Kucing kepada bentuk kapsul. **Maklum balas bertarikh 28 November 2012 menjelaskan, Jabatan bercadang menempatkan mesin tersebut di Rimba Herba Perlis bagi tujuan latihan kepada kakitangan Jabatan untuk proses Transfer Of Technology (TOT) yang disediakan oleh UniMAP dan USM.** Keadaan mesin yang tidak digunakan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.11**.

Gambar 2.10
Mesin Continuous Counter Current Extraction



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Penyelidikan Agroteknologi,
UniMAP Sungai Chuchoh
Tarikh: 03 Oktober 2012

Gambar 2.11
Mesin Continuous Counter Current Extraction



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Penyelidikan Agroteknologi,
UniMAP Sungai Chuchoh
Tarikh: 03 Oktober 2012

2.4.3.3. Pemeriksaan Audit juga mendapati peralatan yang terdapat di Rimba Herba Perlis seperti mesin perincih herba, ketuhar elektrik, alat pengisar herba dan beberapa rak besi untuk mengeringkan daun herba belum didaftarkan. Kos pembelian tidak dapat dipastikan disebabkan rekod kewangan tidak diselenggarakan. Keadaan peralatan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.13**.

Gambar 2.12
Rak Untuk Mengeringkan Daun Misai Kucing



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012

Gambar 2.13
Alat Perincih Dan Pengisar Herba



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rimba Herba Perlis
Tarikh: 04 Julai 2012

2.4.3.4. Maklum balas bertarikh 28 November 2012 menjelaskan, Jabatan telah mengambil tindakan segera mendaftarkan mesin-mesin di Rimba Herba Perlis memandangkan rekod lama tidak dijumpai.

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan memproses herba kurang memuaskan kerana peralatan yang dibeli tidak digunakan dan pengurusan rekod aset kewangan tidak disenggarakan.

2.4.4. Pusat Rawatan Alternatif Dan Spa

2.4.4.1. Pusat Rawatan Alternatif Dan Spa yang terletak berhadapan Rimba Herba Perlis telah siap dibina pada tahun 2010 menerusi dana yang diterima daripada Kementerian Pelancongan berjumlah RM4.73 juta. Komponen projek terdiri daripada sebuah bangunan utama, sebuah *Single Spa And Sauna*, sebuah *Detached Spa And Sauna*, tandas, restoran dan surau. Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM0.31 juta untuk menaik taraf Pusat Rawatan Dan Spa berkenaan pada tahun 2011 hingga bulan Mei 2012. Pembangunan pusat rawatan ini dijangka dapat mewujudkan permintaan terhadap herba. Objektif diwujudkan Pusat Rawatan Dan Spa ini adalah untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Negeri Perlis di samping menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri. Jabatan telah diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menjaga keselamatan pusat rawatan ini. Semakan dan lawatan Audit pada bulan September 2012 mendapati Pusat Rawatan Dan Spa tersebut masih belum beroperasi walaupun telah 24 bulan siap dibina. Keadaan bangunan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**.

Gambar 2.14
Bangunan Utama Pusat Rawatan Dan Spa
Yang Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 12 September 2012

Gambar 2.15
Bangunan Single Spa Dan Sauna
Yang Belum Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 12 September 2012

2.4.4.2. Jabatan telah melantik syarikat kawalan keselamatan untuk memberi perkhidmatan dengan menyediakan seorang pengawal keselamatan bagi tempoh jam 5:00 petang hingga 8:00 pagi dan sekurang-kurangnya 2 orang/giliran pengawal keselamatan pada hari cuti. Jabatan juga telah melantik 3 orang Pekerja Harian untuk menjalankan tugas-tugas pembersihan sekitar kawasan Pusat Rawatan Dan Spa. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit mendapati Pusat Rawatan Dan Spa tidak disenggarakan dengan baik sehingga berlakunya kerosakan, vandalisme dan kecurian serta keadaan sekitar Pusat Rawatan Dan Spa dipenuhi dengan semak samun dan tumbuhan menjalar seperti di **Gambar 2.16** hingga **Gambar 2.24**.

Gambar 2.16
**Aliran Air Hujan Merosakkan Siling
Dan Dinding Bangunan Utama**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Gambar 2.17
**Aliran Air Hujan Merosakkan Siling
Dan Dinding Bangunan Utama**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Gambar 2.18
Kerosakan Pada Lampu Di Bilik Teater Bangunan Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012



Gambar 2.19
**Bumbung Surau Rosak
Akibat Pokok Tumbang**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Gambar 2.20
Kipas Dinding Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Gambar 2.21
Alat Pancuran Bilik Mandi Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012



Gambar 2.22
Kecurian Kabel Elektrik
Dalam Bangunan Utama

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Gambar 2.23
Rumput Tidak Dipotong
Dan Pokok Hiasan Tidak Disenggarakan



Sumber :Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Rawatan Dan Spa
Tarikh: 02 Oktober 2012

Maklum balas bertarikh 28 November 2012 menyatakan Jabatan telah mengatur kerja-kerja pembersihan secara berjadual, membuat teguran beramaran kepada pengawal keselamatan dan menyediakan laporan bertulis harian.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan ladang tumbuhan ubatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak Jabatan Perhutanan Negeri:

- 2.5.1.** Jabatan perlu membuat penilaian potensi kesesuaian tumbesaran pokok dan penilaian permintaan pasaran tempatan pokok herba sebelum ditanam secara komersial.
- 2.5.2.** Jabatan perlu mendapatkan kelulusan keselamatan daripada Kementerian Kesihatan sebelum herba yang diproses diagihkan kepada orang awam.
- 2.5.3.** Jabatan hendaklah mengurus asetnya mengikut peraturan.

MAJLIS SUKAN NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

3. PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Negeri Perlis telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2014. Bagi menjayakan kejohanan sukan tersebut, Kerajaan Negeri merancang pembangunan sebuah asrama sukan, gelanggang tinju berserta sebuah Pejabat Sekretariat SUKMA dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, kemudahan sukan sedia ada juga akan dinaik taraf dan di senggara iaitu padang bola sepak dan hoki; Dewan Rakan Sukan; Stadium Utama Negeri; lapang sasar menembak dan memanah; gelanggang tenis, tinju, angkat berat, bola baling dan bola jaring; bilik latihan terjun dan gimnasium serta stor simpanan peralatan kano. Bagi mempersiapkan para atlet, kemudahan untuk latihan sukan juga akan disediakan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM17.05 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 untuk kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan perolehan kemudahan latihan sukan. Sehingga bulan Disember 2012, sejumlah RM9.61 juta telah dibelanjakan.

3.1.2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK) bertanggungjawab untuk menggerakkan, merancang, menyelaras dan mengawal keseluruhan jentera pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Majlis Sukan Negeri (MSN) yang ditubuhkan pada bulan Jun 1987 merupakan Agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab secara langsung bagi melaksanakan program pembangunan sukan manakala Unit Khidmat Pengurusan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Pentadbiran Daerah (UPD) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dipertanggungjawabkan untuk membangun kesemua kemudahan sukan yang dirancang. Pada tahun 2010, UPD dipertanggungjawabkan untuk mengurus peruntukan pembangunan kemudahan sukan. Bagaimanapun, mulai tahun 2011, semua peruntukan pembangunan telah disalurkan kepada JKR sebagai Agensi Pelaksana.

3.1.3. Sehingga bulan Disember 2012, 26 kemudahan sukan berjumlah RM6.62 juta telah dilaksanakan antaranya seperti pembinaan stor simpanan peralatan kano, padang bola sepak, gelanggang boling padang, Dewan Rakan Sukan, gelanggang bola baling dan bola jaring serta gelanggang angkat berat. Pembinaan asrama sukan, gelanggang tinju dan projek lain yang sedang dilaksanakan dianggarkan bernilai RM2.99 juta. Manakala lain-lain kemudahan masih belum dilaksanakan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan dan pengurusan kemudahan sukan telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembangunan dan pengurusan kemudahan sukan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod kewangan, fail dan dokumen projek, laporan berkaitan dengan pembinaan dan pengurusan projek kemudahan sukan, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Pengauditan dijalankan di SUK, UPD, UPEN, MSN dan JKR. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai projek juga dibuat. Lawatan dan pemeriksaan Audit secara fizikal turut dilakukan terhadap 7 kemudahan sukan yang disediakan iaitu pembinaan pagar padang bola sepak, bola jaring/bola baling, Dewan Rakan Sukan, naik taraf padang bola sepak, ruang gimnasium/angkat berat, boling padang serta bekalan peralatan gimnasium di samping mengadakan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan pembangunan dan pengurusan sukan adalah baik dari segi kejayaan menyiapkan kebanyakan kemudahan sukan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kemudahan yang disediakan tidak kondusif serta tiada peraturan penggunaan.
- Pengurusan penyenggaraan kurang memuaskan.
- Perkhidmatan pencucian dan pembersihan tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 48 projek berkaitan kemudahan sukan berjumlah RM17.05 juta telah dirancang untuk dilaksanakan. Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek adalah baik. Semakan Audit mendapati, 26 projek telah berjaya disiapkan dengan kos pembinaan RM6.62 juta di mana, 6 projek dengan kos pembinaan berjumlah RM0.85 juta dapat disiapkan lebih awal dari jadual asal dan 15 projek dengan kos pembinaan berjumlah RM3.53 juta dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan mengikut kontrak asal. Bagaimanapun, sebanyak 5 projek dengan kos pembinaan berjumlah RM2.24 juta lewat disiapkan daripada jadual asal manakala 14 projek dengan kos pembinaan

berjumlah RM2.99 juta masih dalam pembinaan. Manakala 8 projek dengan anggaran kos RM3.39 juta belum dilaksanakan. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Butiran Projek Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012

| Status Projek | Bilangan Projek | Kos Projek | Perbelanjaan (RM Juta) |
|----------------------|-----------------|--------------|---------------------------|
| | | (RM Juta) | |
| Siap - Ikut Jadual | 15 | 4.65 | 3.53 |
| Siap - Lewat Jadual | 5 | 2.40 | 2.24 |
| Siap - Dahulu Jadual | 6 | 0.98 | 0.85 |
| Sedang Dilaksanakan | 14 | 5.63 | 2.99 |
| Belum Dilaksanakan | 8 | 3.39 | 0 |
| Jumlah | 48 | 17.05 | 9.61 |

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis

3.4.1.1. Projek Lewat Disiapkan Mengikut Jadual

- a. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM9.61 juta atau 56.4% daripada keseluruhan RM17.05 juta peruntukan yang diluluskan dan melibatkan 48 buah projek. Daripada jumlah tersebut, 5 projek lewat disiapkan melebihi tempoh 3 minggu daripada jadual asal. Projek tersebut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Projek Lewat Disiapkan Mengikut Jadual

| Bil. | Nama Projek | Kos Projek (RM) | Perbelanjaan (RM) | Tarikh Siap Asal | Tarikh Siap Sebenar | Tempoh Kelewatan (Minggu) |
|---------------|---|------------------|-------------------|------------------|---------------------|---------------------------|
| 1. | Naik Taraf Sukan Memanah, Kawasan Berbumbung dan Tempat Rehat | 300,000 | 182,520 | 21.09.2011 | 25.11.2011 | 8 |
| 2. | Naik Taraf Padang Bola Sepak | 500,000 | 500,000 | 09.08.2011 | 27.10.2011 | 8 |
| 3. | Pembinaan Pagar dan Astaka Stadium Hoki | 121,280 | 144,292 | 29.09.2011 | 25.11.2011 | 7 |
| 4. | Bekalan Peralatan Gimnasium untuk Latihan Kekuatan | 260,000 | 259,500 | 21.11.2011 | 13.12.2011 | 3 |
| 5. | Naik Taraf Permukaan Hoki | 2,000,000 | 1,157,888 | 27.05.2012 | Belum Siap | 28 |
| Jumlah | | 3,181,280 | 2,244,200 | | | |

Sumber : Jabatan Kerja Raya

- b. Semakan Audit mendapati Projek Menaik Taraf Permukaan Gelanggang Hoki telah lewat disiapkan dari jadual asal iaitu selama 28 minggu (sehingga Disember 2012). Lawatan Audit pada 12 Jun 2012 dan 16 Oktober 2012 mendapati kerja-kerja menukar permukaan *turf* masih belum dilaksanakan walaupun tarikh siap kerja adalah pada 27 Mei 2012. Pelaksanaannya telah ditangguhkan disebabkan MSN dan Persatuan Hoki Negeri Perlis (PHNP) tidak bersetuju dengan permukaan jenis *Polytan Megaturf Coolplus* yang ditawarkan oleh kontraktor. Semakan Audit

mendapati pihak MSN hanya memaklumkan kepada JKR untuk menggunakan permukaan jenis *Astroturf* pada bulan Februari 2012 iaitu selepas tender dikeluarkan. Kegagalan MSN menyediakan *Needs Statement* serta kegagalan JKR melaksanakan penilaian teknikal dengan mendapatkan maklum balas teknikal daripada MSN dan PHNPs menyebabkan masalah ini berlaku. Akibatnya, kemudahan padang hoki tidak dapat digunakan dengan segera oleh atlet. Pihak JKR memaklumkan, kelewatan melaksanakan projek Naik Taraf Sukan Memanah, Kawasan Berbumbung dan Tempat Rehat serta Naik Taraf Padang Bola Sepak, mengikut tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan masalah kontraktor yang melaksanakan banyak projek dalam satu masa dan mengakibatkan kemudahan sukan tersebut tidak dapat digunakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

- c. JKR telah mengeluarkan tiga Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 33 minggu kepada Kontraktor pembinaan dan tarikh siap kerja dilanjutkan kepada 15 Januari 2013. Lawatan Audit pada 16 Januari 2013, mendapati kerja pemasangan permukaan *turf* masih belum disempurnakan. Keadaan gelanggang hoki sebelum dan semasa permukaan *turf* sedang dipasang adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1

Keadaan Gelanggang Hoki Yang Masih Belum Dipasang Dengan Permukaan *Turf*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gelanggang Hoki, Kompleks Sukan Negeri
Tarikh: 12 Jun 2012

Gambar 3.2

Keadaan Gelanggang Hoki Yang Sedang Dipasang Dengan Permukaan *Turf*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gelanggang Hoki, Kompleks Sukan Negeri
Tarikh: 16 Januari 2013

3.4.1.2. Projek Belum Dilaksanakan

- a. MSN bertanggungjawab membangunkan kemudahan sukan manakala UPD menguruskan peruntukan dan perbelanjaan projek. Pada tahun 2010, SUK telah menyerahkan pelaksanaan projek kemudahan sukan kepada JKR sebagai Agensi Pelaksana kerana UPD tidak mempunyai kepakaran teknikal dari aspek penyediaan spesifikasi dan anggaran kos projek. Bagaimanapun, JKR telah menyerahkan kembali pelaksanaan projek kemudahan sukan tersebut kepada UPD untuk diuruskan pada bulan November 2010 disebabkan bebanan kerja yang tinggi.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 8 projek atau 16.7% daripada 48 projek kemudahan sukan yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012 dengan kos berjumlah RM3.39 juta seperti di **Jadual 3.3** belum dilaksanakan oleh UPD dan JKR.

Jadual 3.3
Projek Tidak Dilaksanakan

| Bil. | Kod Kewangan | Nama Projek | Kos Projek (RM juta) |
|---------------|--------------|--|----------------------|
| 1. | 04511 | Membina Bangunan Untuk Menyimpan Bot Dan Peralatan Sukan | 0.11 |
| 2. | 04514 | Menyedia Kemudahan Sukan Kano | 0.17 |
| 3. | 04515 | Menaik Taraf Kompleks Renang | 0.40 |
| 4. | 01507 | Menaik Taraf Permukaan Gelanggang Hoki | 2.50 |
| 5. | 01510 | Peralatan Memanah | 0.05 |
| 6. | 01510 | Peralatan Sukan Olahraga | 0.05 |
| 7. | 01510 | Peralatan Angkat Berat | 0.07 |
| 8. | 01510 | Peralatan Silat | 0.04 |
| Jumlah | | | 3.39 |

Sumber: Penyata Kewangan

- c. Bagi 8 projek yang belum dilaksanakan, 2 projek dengan anggaran kos pembinaan RM0.28 juta dan 1 projek dengan anggaran kos pembinaan RM2.5 juta pada tahun 2010 dan 2011 telah digantikan 3 projek baru dengan kos pembinaan RM1.4 juta berserta perubahan skop kerja dan baki 5 projek dengan anggaran kos pembinaan RM0.61 juta akan dilaksanakan pada tahun 2013.
- d. JKR tidak dapat melaksanakan beberapa projek MSN pada tahun 2010 dan 2011 disebabkan bilangan projek sedia ada JKR adalah banyak. Faktor kurangnya komunikasi dan koordinasi yang berkesan di antara kedua Jabatan menyebabkan masa selama 10 bulan untuk menyiapkan projek telah dibazirkan seterusnya mengakibatkan pihak UPD tidak sempat melaksanakan projek yang telah dirancang dalam tempoh masa yang singkat.

Pada pendapat Audit, walaupun prestasi pelaksanaan projek pada keseluruhannya adalah baik tetapi masih terdapat kelewatan pelaksanaan 5 projek dan sebanyak 8 projek masih belum dilaksanakan. Keadaan ini menunjukkan terdapat kelemahan dari aspek perancangan projek di peringkat awal.

3.4.2. Kualiti Kerja Projek

3.4.2.1 Mengikut peraturan yang berkuat kuasa, pembayaran hanya boleh diperakukan setelah Pegawai Penyelia Kerja berpuas hati terhadap kesempurnaan kerja sesuatu projek. Selain itu, semua kerja hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Hasil lawatan Audit ke 7 tapak projek pembinaan mendapati secara amnya kualiti kerja projek adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kecacatan kerja yang lewat diambil tindakan pembaikan bagi projek menaik taraf Dewan Rakan Sukan.

3.4.2.2. Kerja-kerja membekal dan memasang siling jenis *mineral fibre* di Dewan Rakan Sukan telah siap dilaksanakan pada 31 Disember 2011 dengan kos RM0.3 juta. Lawatan Audit pada 16 Oktober 2012 mendapati beberapa siling dewan tersebut telah tertanggal disebabkan kerja pemasangan dan penyenggaraan lampu limpah oleh kontraktor elektrik. Bagaimanapun, siling tersebut telah diganti setelah mendapat teguran Audit. Keadaan siling yang tertanggal dan selepas diganti adalah seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**



Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang dilaksanakan adalah memuaskan.

3.4.3. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Kondusif Serta Tiada Peraturan Penggunaan

3.4.3.1. Sistem Pengudaraan Gimnasium Tidak Kondusif

Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menghendaki bukaan minimum bagi setiap binaan bangunan untuk tujuan pencahayaan dan pengudaraan semula jadi. Pengudaraan dan alir udara untuk sesebuah bangunan perlu disediakan sama ada secara semula jadi atau secara mekanikal bagi mempercepatkan proses sejatan supaya ketidakselesaan oleh kelekitan kulit dapat dikurangkan. Lawatan Audit mendapati gimnasium Kompleks Sukan Negeri tidak dilengkapi dengan tingkap bagi pengudaraan secara semula jadi. Selain itu, bilik tersebut juga tidak dilengkapi dengan pendingin hawa dan tiada kipas pelawas bagi pengaliran udara keluar secara mekanikal. Atlet yang menggunakan kemudahan di gimnasium tersebut memaklumkan bahawa mereka tidak selesa dengan keadaan bilik berkenaan. Perkara ini berlaku disebabkan peruntukan tidak mencukupi dan keperluan bangunan tidak dikaji semasa pembinaannya. Kegagalan memenuhi kehendak kesihatan dan keselesaan pengguna boleh menyebabkan kekurangan bekalan oksigen untuk pernafasan. Pengudaraan yang tidak sempurna juga boleh menghasilkan bau yang tidak diingini dan ketidakselesaan pada kulit. Keadaan bilik

gimnasium yang tidak mempunyai sistem pengudaraan yang sewajarnya adalah seperti di **Gambar 3.5**.



Gambar 3.5
Keadaan Bilik Gimnasium Yang Tidak Mempunyai Sistem Pengudaraan Yang Sempurna

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Tandas Berhampiran Gelanggang Hoki

Tarikh: 12 Jun 2012

3.4.3.2. Peraturan Penggunaan Gimnasium Tidak Disediakan

Peralatan sukan di dalam gimnasium hendaklah digunakan mengikut panduan penggunaan yang ditetapkan untuk memanjangkan jangka hayatnya. Penggunaan peralatan sukan hendaklah dipantau oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan untuk mencegah penyalahgunaannya. Oleh itu, peraturan penggunaan gimnasium hendaklah disediakan untuk memastikan keselamatan peralatan sukan dan pengguna serta kebersihan gimnasium terjamin. Lawatan Audit ke gimnasium Kompleks Sukan Negeri mendapati peraturan penggunaan gimnasium tidak disediakan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh pengguna. Keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya pemantauan terhadap penggunaan peralatan sukan dan bilik gimnasium. Kurang kesedaran dalam menyediakan peraturan penggunaan peralatan gimnasium boleh mengundang kecederaan kepada pengguna dan penyalahgunaan peralatan gimnasium.

3.4.4. Pengurusan Penyenggaraan Kurang Memuaskan

3.4.4.1. Semua aset dan kemudahan asas hendaklah digunakan dengan cekap, dikendalikan dengan mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.

a. Penyenggaraan Tandas

Pemeriksaan Audit mendapati tandas di bangunan Stadium Utama dan Kompleks Sukan Negeri sering rosak. Kos penyenggaraan dan menaik taraf tandas tersebut bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2012 berjumlah RM0.13 juta. Butiran lanjut kerja-kerja penyenggaraan dan menaik taraf tandas tersebut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4**Kerja Penyenggaraan Dan Menaik Taraf Tandas Stadium Utama Dan Kompleks Sukan Negeri**

| Bil. | No. Baucar Bayaran | Tarikh Baucar | Jumlah (RM) | Perihal |
|---------------|--------------------|----------------|-------------|---|
| 1. | V0000796 | 24.09.2010 | 19,828 | Kerja menaik taraf tandas/bilik air di bangunan Kompleks Majlis Sukan Negeri Perlis |
| 2. | V0002236 | 14.12.2010 | 5,427 | Kerja membaiki bilik air di Stadium Utama |
| 3. | V0001080 | 28.06.2011 | 15,158 | Kerja membaiki kerosakan bilik air di Stadium Utama |
| 4. | V0002505 | 12.01.2012 | 2,050 | Kerja penyenggaraan tandas |
| 5. | V0000807 | 14.06.2012 | 85,490 | Kerja menaik taraf/pembaikan bilik air di Stadium Utama |
| Jumlah | | 127,953 | | |

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis

b. Penyenggaraan Gerai

Lawatan Audit ke Stadium Utama mendapati 2 daripada 12 gerai yang terdapat di sekitarnya mengalami kerosakan teruk dan terbiar tidak digunakan. Kompleks Stadium Utama Negeri diuruskan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri yang akan mengutip hasil sewaan gerai dan pungutan tiket masuk ke stadium. Tiada perjanjian kontrak antara Kerajaan Negeri dan Persatuan Bola Sepak Negeri Perlis disediakan berkaitan kos penyenggaraan gerai. Bagaimanapun, kos penyenggaraan stadium ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan penyenggaraan dan pembaikan JKR. Keadaan gerai yang rosak teruk adalah seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

Gambar 3.6
Lot Gerai Jualan Di Stadium Utama Yang Rosak Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Utama Negeri Perlis
Tarikh: 27 Jun 2012

Gambar 3.7
Lot Gerai Jualan Di Stadium Utama Yang Rosak Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Utama Negeri Perlis
Tarikh: 27 Jun 2012

3.4.4.2. Antara punca kerosakan dan kehilangan harta benda tersebut adalah disebabkan kelemahan kawalan keselamatan. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah menggunakan perkhidmatan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) untuk menjalankan rondaan dan kawalan keselamatan di Stadium Utama Negeri dengan bayaran yang ditetapkan. Rondaan dan kawalan keselamatan dijalankan mengikut 3 syif,

dengan 2 anggota setiap syif. Tiada laporan berkaitan kehilangan harta benda dilaporkan. Bagaimanapun, rondaan dan kawalan keselamatan yang disediakan kurang berkesan kerana perbuatan vandalism masih berlaku. Ia telah mengakibatkan Kerajaan Negeri menanggung kos pembaikan yang tinggi selain kemudahan tidak dapat digunakan secara optimum.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan kemudahan sukan adalah kurang memuaskan.

3.4.5. Perkhidmatan Mencuci Dan Pembersihan Tidak Memuaskan

3.4.5.1. Penyenggaraan aset perlu dilakukan bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan lancar, meningkatkan keupayaan penggunaan, menjamin keselamatan pengguna dan mengurangkan kerosakan. Semakan Audit mendapati pihak SUK telah melantik kontraktor perkhidmatan mencuci bangunan dan kawasan pejabat di Pejabat MSN, Dewan Rakan Sukan dan Kompleks Sukan Negeri mulai 1 Jun 2012 dengan kos perolehan berjumlah RM18,000 sebulan. Lawatan Audit pada 12 Jun 2012 mendapati kemudahan asas yang dibina seperti tandas, surau dan longkang sekitar Kompleks Sukan Negeri masih berkeadaan kotor dan dipenuhi sampah. Keadaan kawasan dan tandas dalam Kompleks Sukan Negeri adalah seperti di **Gambar 3.8** hingga **Gambar 3.10**.

**Gambar 3.8
Longkang Yang Dipenuhi
Dengan Sampah**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Bola Sepak
Tarikh: 12 Jun 2012

**Gambar 3.9
Dinding Tandas
Yang Diconteng**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Berhampiran Gelanggang Hoki
Tarikh: 12 Jun 2012



Gambar 3.10
Keadaan Lantai Tandas Yang Kotor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Berhampiran Gelanggang Hoki
Tarikh: 12 Jun 2012

3.4.5.2. Pemerhatian Audit di kawasan trek jogging Kompleks Sukan Negeri mendapati ia dibina dengan menggunakan *interlocking paver* telah dipenuhi dengan rumput dan tidak disenggarakan dengan baik. Keadaan trek jogging yang tidak rata juga boleh membahayakan pengguna. Keadaan trek jogging tersebut adalah seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**.

Gambar 3.11
Kawasan Trek Joging
Yang Dipenuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Trek Joging, Kompleks Sukan Negeri
Tarikh: 12 Jun 2012

Gambar 3.12
Keadaan Trek Joging
Yang Tidak Sekata Permukaannya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Trek Joging, Kompleks Sukan Negeri
Tarikh: 12 Jun 2012

3.4.5.3. Perkhidmatan mencuci dan pembersihan yang tidak memuaskan mengakibatkan pengguna tidak dapat menggunakan kemudahan yang disediakan dengan optimum dan boleh menjasikan pandangan pengunjung terutamanya semasa kejohanan SUKMA yang akan diadakan pada tahun 2014 nanti.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan pembersihan dan pencucian di Kompleks Sukan Negeri dan Stadium Utama Negeri Perlis tidak dilaksanakan dengan memuaskan.

3.4.6. Peraturan Kewangan Tidak Dipatuhi

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab bagi memastikan semua peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya untuk setiap perolehan. Sebarang perwakilan kuasa tidak melepaskan

Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab berkenaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

3.4.6.1. Kerja Tambahan Belum Mendapat Kelulusan

- a. Perubahan kerja yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (JAPK) sebelum Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan Audit terhadap kerja-kerja tambahan bagi Projek Menaik Taraf Permukaan Gelanggang Hoki mendapati ia tidak dimohon untuk dilaksanakan dengan menggunakan Borang JKR-KPKP (Pind. 1/2012) selain belum memohon kelulusan daripada JAPK. Kerja tambahan yang telah dipersetujui secara prinsip oleh JKR pada bulan Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.5.**

Jadual 3.5
Kerja-Kerja Tambahan Yang Dipersetujui JKR
Tanpa Kelulusan Daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja

| Perihal Kerja | Kuantiti | Kadar (RM) | Jumlah (RM) |
|--|----------------------|------------|----------------|
| Kos Keseluruhan Kerja-kerja Penurapan Premix Kerja-kerja premix permukaan selepas kerja-kerja menanggalkan permukaan sedia ada sehingga mencapai piawai FIH sebelum melakukan kerja-kerja memasang permukaan baru. | 743 m ³ | 900.00 | 668,700 |
| Tolak : Kos Asal Kerja-kerja Penurapan Premix Kerja-kerja premix permukaan setebal 50mm selepas kerja-kerja menanggalkan permukaan sedia ada sehingga mencapai piawai FIH sebelum melakukan kerja-kerja memasang permukaan baru. | 6,000 m ² | 45.00 | 270,000 |
| Jumlah Kos Tambahan Yang Diperlukan | | | 398,700 |

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- b. Semua kerja tambahan yang melebihi 20% daripada nilai kontrak hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit terhadap Kerja Membekal Dan Memasang Siling Di Dewan Rakan Sukan, Majlis Sukan Negeri Perlis mendapati kerja tambahan berjumlah RM60,850 atau 27.1% daripada nilai sebut harga yang berjumlah RM224,900 belum mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Sehingga tarikh pengauditan, tiada bukti menunjukkan Arahan Perubahan Kerja ada dikeluarkan secara bertulis oleh Pegawai Pengguna. Kerja tambahan tersebut adalah seperti di **Jadual 3.6.**

Jadual 3.6
Kerja Tambahan Yang Belum Mendapat Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri

| Bil. | Keterangan Kerja | Unit | Kuantiti | Kadar | jumlah (RM) |
|---------------|--|----------------|----------|--------|---------------|
| 1. | Kurangan – Peruntukan Kerja Luar Jangka | - | - | - | (5,000) |
| 2. | Pengukuran Semula | m ² | 169.10 | 182.00 | 30,776 |
| 3. | Membekal Dan Memasang Bumbung Dek Logam | m ² | 169.10 | 62.00 | 10,484 |
| 4. | Kerja Sewaan Tambahan Untuk Perancah Termasuk Upah Memasang | set | 500.00 | 45.00 | 22,500 |
| 5. | Kerja Membuka Dan Memasang Semula Bumbung Dek Logam – Tukang Bumbung | hari | 8.00 | 70.00 | 560 |
| 6. | Kerja Membersih Dan Menampal Lubang Paku | bil | 900.00 | 1.70 | 1,530 |
| Jumlah | | | | | 60,850 |

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- c. Pemeriksaan Audit juga mendapati keluasan gelanggang bola baling dan bola jaring bagi Kerja Membina Dan Menyiapkan Sebuah Gelanggang Di Kompleks Sukan Negeri Perlis telah ditambah sebanyak 814m² menjadi 1,750m² berbanding 936m² keluasan asal atas arahan MSN. Bagaimanapun, arahan tersebut tidak dibuat secara bertulis. Kerja tambahan tersebut telah melibatkan kos tambahan dianggarkan berjumlah RM0.33 juta, peningkatan sebanyak 81.3% daripada harga asal kontrak. Ini menjadikan kos keseluruhan projek telah meningkat kepada RM0.73 juta. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, tiada bukti menunjukkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri diperoleh bagi kos tambahan kerja ini. Butiran tambahan kuantiti kerja adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kos Tambahan Kuantiti Kerja Yang Terlibat

| Bil. | Butiran Kerja | Kuantiti Keluasan Gelanggang (m ²) | Jumlah (RM) |
|---------------|--|---|----------------|
| 1. | Kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang bola baling dan bola jaring | 936 | 402,800 |
| 2. | Tambahan keluasan gelanggang | 814 | 327,423 |
| Jumlah | | 1,750 | 730,223 |

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- d. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati sokongan bayaran kemajuan pertama yang diperakuan kepada pihak kontraktor adalah sejumlah RM569,436. Bagaimanapun bayaran yang dibuat hanyalah sejumlah RM435,862. Sehingga tarikh pengauditan, tiada bayaran lain dibuat kepada kontraktor berkenaan. Berdasarkan pengiraan Audit, pihak kontraktor telah tidak dibayar sewajarnya selaras dengan kuantiti kerja yang telah dilaksanakan.

3.4.6.2. Kerja Tambahan Di Luar Skop Kerja Sebut Harga Yang Diluluskan

- a. Semakan Audit terhadap Kerja Ubah Suai Wakaf Sedia Ada Untuk Dijadikan Tempat Simpanan Kano dan Kerja Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pelantar Pelepasan

Kano Di Tambun Tulang, Perlis mendapati kerja tambahan berjumlah RM18,177 yang diarahkan oleh JKR adalah di luar skop kerja yang diluluskan. Bangunan rehat sedia ada telah diubah suai untuk dijadikan bangunan gimnasium. Kerja tambahan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Kerja Tambahan Yang Dijalankan

| Bil. | Butiran Kerja | Jumlah (RM) |
|---------------|--|---------------|
| 1. | Kerja ubah suai bangunan rehat untuk dijadikan bangunan gimnasium | 1,137 |
| | Kerja memasang siling kayu 50mm x 100mm | 770 |
| 2. | Kerja ikatan bata | 692 |
| 3. | Kerja melepa | 420 |
| 4. | Kerja mengecat | 210 |
| 5. | Kerja konkrit laluan | 1,895 |
| 6. | Kepingan jejaring no. A10 | 3,050 |
| 7. | Kerja memasang gril dinding dan pintu | 4,722 |
| 8. | Kerja membekal dan memasang keluli lembut bersudut termasuk kerja memotong, menggerudi, mengikat, merangka dan mengimpal tiang | 237 |
| 9. | Penyokong tiang | 252 |
| 10. | Menggali tanah | 17 |
| 11. | Papan acuan | 529 |
| 12. | Membekal dan memasang pagar dawai berangkai | 296 |
| 13. | Kerja mengetuk dan membuang dinding wakaf sedia ada dan pagar serta membawa keluar – buruh am & lori | 1,950 |
| 14. | Kerja-kerja membaik pulih bilik air pondok pengawal dan mengganti serta mengetuk saluran paip lama dan diganti baru | 2,000 |
| Jumlah | | 18,177 |

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan perkara berikut:
 - i. Pegawai JKR yang bertanggungjawab tidak peka dengan peraturan semasa mengenai definisi dan kriteria Arahan Perubahan Kerja serta pemantauan kurang berkesan oleh pegawai atasan.
 - ii. Kerja tambahan di luar skop kerja yang dijalankan adalah kerja yang memerlukan tindakan segera bagi menjimatkan masa pelantikan kontraktor.
 - c. Akibat kelalaian pihak JKR, Kerajaan menanggung kos tambahan bagi kerja yang tidak dirancang selain tidak mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa kerana kerja yang dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.
 - d. **Maklum balas semasa Exit Conference pada 14 Januari 2013, Wakil JKR menyatakan bahawa kano yang diterima oleh MSN lebih panjang daripada yang sepatutnya menyebabkan ruangan gimnasium sedia ada terpaksa digunakan bagi menempatkan kano tersebut. Oleh itu pihak MSN meminta agar ruangan tambahan bagi menggantikan gimnasium dibina segera. Pembinaan ruang tambahan terpaksa dilaksanakan segera melalui tambahan kerja kerana**

kesuntukan masa. Kos tambahan dikira mengikut Jadual Kadar Harga yang telah diluluskan.

3.4.6.3. Peralatan Sukan Tidak Didaftarkan

Mengikut peraturan, setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Semakan Audit mendapati peralatan gimnasium bernilai RM259,500 yang diterima pada 13 Disember 2011 masih belum didaftarkan. Peralatan tersebut terdiri daripada *cardiovascular equipment*, *strength equipment* dan *free weight equipment*. Perolehan aset tidak didaftarkan dengan alasan pembelian tersebut dibuat oleh JKR dan MSN tidak mempunyai butiran mengenainya. Kegagalan MSN merekod pembelian aset adalah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Pada pendapat Audit, kerja tambahan yang dilaksanakan dan perekodan peralatan sukan tidak memuaskan kerana tidak mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan tidak mematuhi peraturan pengurusan aset yang ditetapkan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pembangunan dan pengurusan kemudahan sukan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan pihak pengurusan MSN/SUK:

3.5.1. MSN perlu memastikan projek dilaksanakan berkualiti dan kerja pembinaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

3.5.2. MSN perlu memastikan kemudahan gimnasium mempunyai peraturan penggunaannya.

3.5.3. MSN/SUK perlu memantau pelaksanaan kerja kontraktor pembersihan dan kawalan keselamatan bagi memastikan keselamatan dan kebersihan peralatan dan kemudahan sukan berada dalam keadaan yang baik.

3.5.4. MSN perlu memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

4. PERLIS COMM SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Perlis Comm Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (Perbadanan) dan merupakan sebuah syarikat usaha sama dengan Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd.. Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Julai 2005 dengan modal yang dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM500,000. Pegangan saham Perbadanan adalah RM255,000 atau 51% manakala Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd. berjumlah RM245,000 atau 49%.

4.1.2. Syarikat memulakan operasi secara rasminya pada 1 Mac 2007 berikutan termeterainya Perjanjian Lesen (*Licence Agreement*) pada 13 Februari 2007 antara Perlis Comm Sdn. Bhd. dengan pihak syarikat telekomunikasi yang terdiri daripada Celcom (M) Berhad, Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.. Syarikat merupakan Syarikat sokongan Kerajaan Negeri Perlis dan memiliki lesen pemberi kemudahan rangkaian yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia serta menerima hak eksklusif daripada Kerajaan Negeri untuk membina, memiliki, menyewa dan menyenggara menara telekomunikasi di Negeri Perlis. Ia merupakan aktiviti tunggal Syarikat. Sehingga bulan Disember 2012, Syarikat telah mendirikan sebanyak 23 menara telekomunikasi bernilai RM10.43 juta di seluruh Negeri Perlis.

4.1.3. Syarikat mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah di mana Pengerusi dan 2 orang Lembaga Pengarah mewakili Perbadanan manakala selebihnya adalah wakil kepada Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd.. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Urusan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan operasi harian Syarikat dan dibantu oleh 4 orang kakitangan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat bertujuan menentukan wang yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang diberi

tumpuan ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat Syarikat. Pengauditan dijalankan dengan meneliti dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 digunakan untuk analisis kewangan merangkumi analisis nisbah dan trend. Di samping itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkenaan. Lawatan tapak turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat mengenai aktiviti Syarikat.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah baik. Syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 hingga 2011 berjumlah RM0.16 juta, RM0.81 juta dan RM0.99 juta menjadikan keuntungan terkumpul pada tahun 2010 dan 2011 berjumlah RM0.55 juta dan RM1.23 juta berbanding kerugian terkumpul pada tahun 2009 berjumlah RM0.07 juta. Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai meningkat pada setiap tahun iaitu pada kadar 56.7% pada tahun 2011 berbanding 54.1% pada tahun 2010 dan 12.6% pada tahun 2009. Pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat adalah baik disokong oleh tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Syarikat yang baik. Bagaimanapun masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi kewangan Syarikat. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Kadar nisbah semasa Syarikat yang rendah iaitu kadar 0.6:1 pada tahun 2011 menunjukkan kemampuan Aset Semasa untuk ditukar segera kepada tunai bagi menampung Liabiliti Jangka Pendek adalah kurang memuaskan.
- Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat bagi tahun 2011 berada pada tahap kurang memuaskan iaitu 0.08:1.
- Kadar Pulangan Atas Ekuiti Syarikat pada tahun 2011 adalah sederhana iaitu pada nisbah 0.42:1.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis Audit bagi tahun 2009 hingga 2011 mendapati, kedudukan kewangan Syarikat menunjukkan trend peningkatan yang ketara. Prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2010 dan 2011 pada tahap baik manakala memuaskan pada tahun 2009. Analisis kewangan menunjukkan Margin Keuntungan Sebelum Cukai Syarikat pada tahun 2010 dan 2011 pada kadar 54.1% dan 56.7%. Prestasi kewangan Syarikat meningkat pada tahun 2010 dan 2011 dengan Keuntungan Bersih Sebelum Cukai berjumlah RM0.81 juta dan RM0.99 juta. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan Syarikat mendapati perkara berikut:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Syarikat merekodkan Keuntungan Bersih Sebelum Cukai yang tinggi pada tahun 2011 iaitu berjumlah RM0.99 juta berbanding RM0.81 juta pada tahun 2010 dan RM0.16 juta pada tahun 2009. Hasil diperoleh daripada pertambahan jumlah menara komunikasi yang disewakan. Peningkatan jumlah pendapatan daripada sumber sewaan ini telah menyebabkan Kerugian Terkumpul Selepas Cukai yang direkodkan oleh Syarikat pada tahun 2009 berjumlah RM0.07 juta berubah menjadi Keuntungan Terkumpul Selepas Cukai berjumlah RM0.55 juta pada tahun 2010 dan RM1.23 juta pada tahun 2011.
- b. Analisis Audit terhadap perbelanjaan Syarikat mendapati berlaku peningkatan perbelanjaan pada setiap tahun. Pada tahun 2009, perbelanjaan Syarikat berjumlah RM2.15 juta, meningkat kepada RM2.42 juta pada tahun 2010 dan RM2.67 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini selari dengan pertambahan jumlah pembinaan menara telekomunikasi. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan yang diperoleh Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1 dan Carta 4.2**.


Jadual 4.1

Maklumat Kewangan Syarikat Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

| Butiran | Tahun Kewangan | | |
|---------------------------------------|------------------|------------------|------------------|
| | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) |
| Pendapatan | 2,272,064 | 3,183,131 | 3,571,932 |
| (Tolak) : Kos Langsung | 1,247,876 | 1,495,744 | 1,740,255 |
| Untung Kasar | 1,024,188 | 1,687,387 | 1,831,677 |
| Tambah : Lain-lain Pendapatan Operasi | 17,977 | 24,483 | 40,139 |
| (Tolak): Perbelanjaan Pentadbiran | 366,073 | 401,562 | 422,887 |
| (Tolak): Perbelanjaan Operasi | 16,809 | 20,898 | 15,863 |
| (Tolak) : Caj Kewangan | 501,640 | 480,301 | 446,690 |
| Untung Sebelum Cukai | 157,643 | 809,109 | 986,376 |
| Cukai | 38,435 | 186,924 | 253,607 |
| Untung Selepas Cukai | 119,208 | 622,185 | 732,769 |
| Keuntungan/Kerugian Terkumpul | -71,651 | 550,534 | 1,233,303 |


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kedudukan kewangan Syarikat adalah bertambah baik. Syarikat berupaya meningkatkan jumlah keuntungan tahunannya di masa hadapan apabila semua pinjaman bank dibayar balik sepenuhnya.

4.4.1.2. Analisis Aliran Tunai

- Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat untuk menaksir keupayaan Syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Analisis aliran tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan sesebuah Syarikat untuk menampung operasi bagi sesuatu tempoh. Ia menggambarkan kedudukan pertambahan atau pengurangan tunai pada tahun semasa. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Bil. | Butiran | Tahun Kewangan | | |
|--|--|----------------|----------------|----------------|
| | | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) |
| 1. | Aliran Tunai Masuk/Keluar Dari Aktiviti Operasi | 1,535,263 | 2,700,061 | 2,277,632 |
| 2. | Aliran Tunai Masuk/Keluar Dari Aktiviti Pelaburan | -2,187,681 | -1,090,625 | -952,905 |
| 3. | Aliran Tunai Masuk/Keluar Dari Aktiviti Pembiayaan | 608,151 | -1,331,266 | -1,602,737 |
| 4. | Pertambahan/Pengurangan Tunai Dan Setara Tunai | -44,267 | 278,170 | -278,010 |
| 5. | Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun | 231,057 | 186,790 | 464,960 |
| Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun | | 186,790 | 464,960 | 186,950 |

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun adalah positif iaitu berjumlah RM0.19 juta, RM0.46 juta dan RM0.19 juta. Bagaimanapun, pegangan tunai pada akhir tahun 2011 menunjukkan penurunan sejumlah RM0.27 juta atau

58.7% berbanding tahun 2010. Ini disebabkan pada tahun 2011, aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan berjumlah RM2.55 juta melebihi aliran tunai masuk bersih daripada aktiviti operasi yang berjumlah RM2.28 juta. Penggunaan tunai bagi aktiviti pelaburan pada tahun 2010 dan 2011 adalah bagi pembelian kelengkapan dan harta modal berjumlah RM1.10 juta dan RM0.98 juta. Pertambahan aliran tunai keluar dari aktiviti pembiayaan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM0.27 juta atau 20.4% disebabkan peningkatan jumlah pembayaran balik pinjaman.

Pada pendapat Audit, tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun 2010 adalah baik manakala pada tahun 2009 dan 2011 adalah memuaskan.

4.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan iaitu analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3

Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Butiran | Tahun Kewangan | | |
|-------------------------|----------------|----------|----------|
| | 2009 | 2010 | 2011 |
| Nisbah Semasa | 0.4 : 1 | 0.5 : 1 | 0.6 : 1 |
| Margin Untung Bersih | 12.6% | 54.1% | 56.7% |
| Pulangan Ke Atas Aset | 0.02 : 1 | 0.07 : 1 | 0.08 : 1 |
| Pulangan Ke Atas Ekuiti | 0.28 : 1 | 0.59 : 1 | 0.42 : 1 |

Sumber: Analisis Audit

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan sesebuah syarikat iaitu sejauh mana kemampuan aset semasa boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Kedudukan nisbah antara aset dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Semakin tinggi kecairan syarikat semakin baik prestasi syarikat. Analisis Audit mendapati prestasi Syarikat adalah pada tahap kurang memuaskan kerana nilai Liabiliti Semasa melebihi nilai Aset Semasa. Walaupun pada tahun 2011 tahap kecairan Syarikat menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2010 dan 2009, secara keseluruhannya Nisbah Semasa Syarikat masih di bawah kadar 2:1 iaitu antara 0.4:1 hingga 0.6:1. Ini menunjukkan kemampuan Aset Semasa untuk ditukar segera kepada tunai bagi menampung Liabiliti Jangka Pendek adalah kurang memuaskan.

Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Oktober 2012, Syarikat memaklumkan

bahawa bagi tahun 2009 hingga 2011, aset semasa Syarikat menunjukkan peningkatan disebabkan peningkatan simpanan tetap Al-mudarabah dalam Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) iaitu RM0.31 juta pada tahun 2009, RM0.54 juta pada tahun 2010 dan RM1.09 juta pada tahun 2011. Sehingga bulan September 2012, simpanan tetap Al-mudarabah telah meningkat kepada RM1.46 juta. Ini menunjukkan bagi tempoh 6 bulan, Syarikat mampu menanggung liabiliti semasa bayaran bulanan pinjaman berjumlah RM0.15 juta dan perbelanjaan pengurusan Syarikat berjumlah RM70,040 sebulan. Bagi tahun 2012, Syarikat menjangkakan Nisbah Semasa akan meningkat kerana trend nilai Aset Semasa Syarikat menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 hingga 2012.

b. Margin Untung bersih

Margin Untung Bersih menggambarkan pencapaian operasi, risiko dan kesan leverage. Peningkatan nisbah ini menunjukkan peningkatan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati Margin Untung Bersih Sebelum Cukai Syarikat semakin meningkat pada tahun 2011 iaitu kepada 56.7% berbanding 12.6% pada tahun 2009 dan 54.1% pada tahun 2010. Peningkatan ini menunjukkan peningkatan kecekapan di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, akan memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan Syarikat.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh Syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap Syarikat menguruskan asetnya. Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat bagi tahun 2009 hingga 2011 berada pada tahap kurang memuaskan kerana berada di antara 0.02 hingga 0.08. Bagi setiap ringgit aset yang digunakan, Syarikat memperoleh hasil keuntungan 2 sen pada tahun 2009 manakala pada tahun 2010 dan 2011 pulangan hasil menunjukkan sedikit peningkatan iaitu pada kedudukan 7 sen dan 8 sen. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Oktober 2012, Syarikat memaklumkan bahawa untung bersih tahunan meningkat pada setiap tahun. Untung bersih pada tahun 2009 berjumlah RM0.12 juta, tahun 2010 berjumlah RM0.62 juta dan RM0.73 juta pada tahun 2011. Manakala aset tetap Syarikat pula tidak menunjukkan peningkatan ketara disebabkan kesemua menara telekomunikasi telah siap dibina. Aset tetap Syarikat bagi tahun 2009 berjumlah RM7.12 juta, tahun 2010 berjumlah RM7.35 juta dan tahun 2011 berjumlah RM7.36 juta. Syarikat menjangkakan untung bersih pada tahun 2012 akan mencecah RM0.9 juta manakala aset tetap masih sekitar RM7.0 juta. Nisbah pulangan aset tetap bagi tahun 2012 berada sekitar 0.13.**

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti adalah mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat mengurus modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2009 hingga 2011 adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kadar Pulangan Ke Atas Ekuiti pada tahun 2011 didapati menurun kepada 42 sen berbanding 59 sen pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2011 adalah baik kerana mencatatkan Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai pada kadar 56.7%.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

4.4.2.1. Aktiviti utama Syarikat adalah membina, memiliki, menyewa dan menyenggara menara telekomunikasi di Negeri Perlis. Pendapatan daripada aktiviti utama Syarikat bagi tahun kewangan 2011 adalah RM3.57 juta berbanding RM3.18 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini seiring dengan pertambahan bilangan menara telekomunikasi yang disewakan iaitu daripada 19 buah pada tahun 2010 kepada 21 buah pada tahun 2011. Selain itu, peningkatan perolehan juga disebabkan pelaksanaan kerja-kerja sivil dijalankan sendiri oleh Syarikat bagi pembinaan menara telekomunikasi yang berjaya menjimatkan kos pembinaan dan kos yuran Juru perunding berjumlah RM1.35 juta bagi pembinaan 11 unit menara telekomunikasi.

4.4.2.2. Sehingga bulan Disember 2012, Syarikat memiliki sejumlah 23 buah menara telekomunikasi. Perancangan Syarikat mengenai bilangan sebenar menara telekomunikasi yang hendak didirikan bergantung kepada keperluan teknikal daripada Syarikat Telekomunikasi dan operator yang terdiri daripada Maxis, Celcom, Digi dan YTL. Syarikat memberi cadangan mengenai tapak atau lokasi sesebuah menara telekomunikasi untuk pertimbangan Syarikat Telekomunikasi yang kemudiannya membuat keputusan berdasarkan laporan kajian teknikal. Berdasarkan kajian lokasi *blindspot*, Syarikat menganggarkan bilangan maksimum menara telekomunikasi yang diperlukan oleh Syarikat Telekomunikasi di Negeri Perlis adalah berjumlah 25 buah. Sebelum dasar penubuhan Syarikat Sokongan Kerajaan diperkenalkan pada tahun 2005, Syarikat Telekomunikasi sedia ada seperti Maxis, Celcom, Digi dan YTL telah mendirikan dan memiliki sejumlah 49 buah menara telekomunikasi di Negeri Perlis. Syarikat membiayai sejumlah 90% daripada kos pembinaan menara telekomunikasi menerusi pinjaman bank manakala baki 10% daripada sumber kewangan sedia ada. Maklumat menara telekomunikasi milik Syarikat adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Menara Telekomunikasi Milik Syarikat Sehingga Bulan Jun 2012

| Bil. | Nama Tapak | Syarikat Pengurusan | Status Perkongsian | Tarikh Mula Disewa |
|---|-----------------------------|---------------------|---|--------------------|
| 1. | GS 182 (Kampung Wai Kechil) | Maxis | 6W (Maxis/Digi/Celcom/Sapura/YTL/P1) | 05/10/2007 |
| 2. | Kampung Kok Kelang | Maxis | 3W (Maxis/Celcom/Digi) | 05/10/2007 |
| 3. | Kampung Sungai Baru | Celcom | 3W (Celcom/Sapura/YTL) | 08/10/2007 |
| 4. | Kampung Padang Keria | Celcom | 2W (Celcom/Digi) | 08/10/2007 |
| 5. | Kampung Padang Siding | Celcom | 3 W (Celcom/Digi/Maxis) | 04/04/2008 |
| 6. | Kampung Long Boh | Celcom | 2W (Celcom/Digi) | 04/04/2008 |
| 7. | Kampung Bongor Kudung | Celcom | 3W (Celcom/Digi/YTL) | 21/4/2008 |
| 8. | Bukit Ayer Jungle Park | Maxis | 3W (Maxis/Digi/Celcom) | 01/07/2008 |
| 9. | Kem Meranti | DiGi | 2W (Digi/Maxis) | 01/07/2008 |
| 10. | Mata Ayer | Celcom | 2W (Celcom/Maxis) | 31/07/2008 |
| 11. | Kampung Wang Ulu | Celcom | 5W (Celcom/Maxis/Digi/YTL/P1) | 18/09/2008 |
| 12. | Padang Melangit | Celcom | 2W Celcom/YTL) | 18/09/2008 |
| 13. | Felcra Lubuk Sireh | DiGi | 2W (Digi/YTL) | 18/03/2009 |
| 14. | Utan M1 Replacement | Maxis | 3W (Maxis/YTL/P1) | 27/03/2009 |
| 15. | Taman Syed Alwi | DiGi | 5W (Digi/Maxis/P1/YTL/Celcom) | 14/05/2009 |
| 16. | UiTM Blue Water Tank | DiGi | 3W (Digi/Celcom/YTL) | 14/05/2009 |
| 17. | Padang Besar | Sapura | 3W (Sapura/Celcom/YTL) | 08/08/2009 |
| 18. | Bintong BTOGM1 Replacement | Maxis | 2W (Maxis/Celcom) | 13/03/2010 |
| 19. | Kilang Gula | Celcom | 1W (Celcom) | 21/09/2010 |
| 20. | Padang Behor | Celcom | 2W) (Celcom/YTL) | 05/01/2011 |
| 21. | UniMAP Kampus Utama | Celcom | 2W (Celcom/P1) | 21/09/2011 |
| 22. | Beseri | Sapura | 1W (Sapura) | 07/03/2012 |
| 23. | Bukit Chabang | Digi | 1W (Digi) | 10/08/2012 |
| Jumlah Perkongsian Menara Telekomunikasi | | | 61 Way | |

Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.3. Pengauditan meliputi kerja-kerja pembinaan menara dan langkah-langkah susulan selepas pembinaan yang dilaksanakan oleh Syarikat. Sebanyak 4 buah menara telekomunikasi termasuk sebuah menara dalam pembinaan telah dipilih untuk lawatan tapak iaitu di Kampung Wai Kechil, Kampung Wang Ulu, Beseri dan menara sedang

dalam pembinaan di Bukit Chabang. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2012 mendapati pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat adalah baik. Berikut adalah hasil penemuan Audit:

a. Pembinaan Menara Komunikasi Mengikut Undang-undang

- i. Sebelum menara komunikasi dibina, permit pemasangan daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah diperolehi. Pembinaan menara telekomunikasi hendaklah berpandukan kepada jarak minimum bagi menjamin keselamatan fizikal penghuni bangunan terdekat sekiranya alat perkakas jatuh daripada menara. Struktur telekomunikasi atas bumi telah ditetapkan pada jarak antara 5 meter hingga 30 meter mengikut ketinggian menara dan jenis bangunan. Ukuran ini memenuhi piawaian *Regulatory Framework On The Sharing Of Radio Communications Infrastructure (REG-R 002)*, Jabatan Telekomunikasi Malaysia. Ukuran terperinci adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Jarak Minimum Menara Dari Bangunan Terdekat

| Jenis Bangunan | Jarak Minimum Menara Dari Bangunan Terdekat (Meter) | |
|----------------|---|--------------------------------------|
| | Ketinggian Menara Kurang Daripada 45 Meter | Ketinggian Menara 45 Meter Dan Lebih |
| Kediaman | 20 meter | 30 meter |
| Komersial | 10 meter | 15 meter |
| Industri | 5 meter | 10 meter |

Sumber: Rekod Syarikat

- ii. Semakan Audit mendapati, peruntukan undang-undang dan syarat-syarat pembinaan yang ditetapkan sebelum pembinaan sesebuah menara telekomunikasi telah dipatuhi dengan baik. Ia termasuk perolehan permit untuk pemasangan menara telekomunikasi daripada SKMM. Lawatan Audit ke tapak menara komunikasi yang dipilih untuk pengauditan mendapati ia dibina di kawasan jauh dari bangunan iaitu di sawah padi, ladang atau dusun. Semakan Audit juga mendapati jarak minimum menara komunikasi dari bangunan adalah menepati syarat minimum yang ditetapkan.

b. Langkah-langkah Susulan Selepas Pembinaan Menara Komunikasi

- i. Syarikat dikehendaki mengambil langkah-langkah susulan yang sewajarnya setelah siap pembinaan menara atau struktur sistem pemancar telekomunikasi. Antaranya ialah:
 - Kawasan persekitaran menara sentiasa disenggarakan dengan baik termasuk kerja-kerja landskap dan pembersihan untuk memastikan ianya sentiasa terjaga dengan kemas dan teratur;

- Sistem saliran yang disediakan hendaklah sentiasa disenggarakan dengan sempurna terutama bagi menara yang terletak di kawasan cerun;
 - Cerun-cerun yang terletak bersebelahan dengan tapak menara hendaklah disenggarakan dengan baik;
 - Pemeriksaan berjadual hendaklah dilaksanakan secara berkala tetapi tidak kurang daripada sekali dalam setiap 12 bulan dari tarikh sijil kesempurnaan dikeluarkan oleh juru perunding bebas yang bertauliah untuk memastikan keselamatan dan kestabilan struktur berkenaan serta keadaan sistem pendawaian yang digunakan;
 - Laporan pemeriksaan hendaklah dikemukakan kepada PBT dalam tempoh 1 bulan selepas selesai pemeriksaan; dan
 - Sijil Insurans diperbaharui.
- ii. Lawatan Audit ke tapak menara telekomunikasi pada bulan Jun 2012 mendapati, tindakan susulan yang dilaksanakan oleh Syarikat seperti yang dikehendaki adalah baik. Gambar menara telekomunikasi dan kawasan sekitar yang dilawati adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.3**.

Gambar 4.1
Tapak Menara- Kampung Wang Ulu
Celcom - 5Way



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Wang Ulu
Tarikh: 14 Jun 2012

Gambar 4.2
Tapak Menara- Beseri
Sapura - 1W (S)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Beseri
Tarikh: 14 Jun 2012



Gambar 4.3
Tapak Menara- Bukit Chabang
Dalam Proses Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Chabang
Tarikh: 14 Jun 2012

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah baik. Pembinaan dan penyenggaraan menara komunikasi mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses bagaimana syarikat ditadbir dan dikawal demi mencapai matlamat strategik dan objektif operasi. Sehubungan dengan itu, Syarikat dikehendaki mematuhi Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik Syarikat Kerajaan, Program Transformasi GLC (*Government Link Companies*) telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh Syarikat Kerajaan bagi menyediakan persekitaran untuk meningkatkan prestasinya. Lembaga Pengarah hendaklah mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dalam menentukan hala tuju dan menguruskan perniagaan dan hal-ehwal Syarikat selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Pengauditian terhadap tadbir urus Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh Syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai dan kakitangan Syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat ada menyediakan *Financial Operating Procedures* (FOP) berhubung pengurusan kewangan, perakaunan, perolehan, tuntutan pekerja, perolehan, pembayaran, pendapatan, prosedur penggajian dan lantikan kakitangan. FOP tersebut telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Bagaimanapun, Syarikat masih belum mewujudkan peraturan yang komprehensif berhubung terma dan syarat perkhidmatan kakitangan serta disiplin bagi semua Gred Perjawatan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Oktober 2012, Syarikat telah menyediakan peraturan lengkap berhubung terma dan**

syarat perkhidmatan serta disiplin bagi semua Gred Perjawatan. Peraturan tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat untuk kelulusan.

4.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan untuk membincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting termasuk kajian penyata kewangan dan prestasi keseluruhan Syarikat, bajet, penilaian risiko, pelaburan utama dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu. Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara bersama bagi semua keputusan Lembaga dan semua kegiatan Syarikat. Menjadi kewajipan setiap Ahli Lembaga Pengarah untuk hadir dan mengambil bahagian dalam perbincangan mesyuarat Lembaga. Ketidakhadiran seseorang Ahli atau kegagalan seseorang Ahli mengambil bahagian di dalam perbincangan mesyuarat Lembaga tidak melepaskan ahli itu dari bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat oleh mesyuarat berkenaan. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985 menetapkan Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan menyediakan laporan setiap kali selepas mesyuarat berhubung dengan perjalanan badan-badan tersebut kepada Perbadanan. Semakan Audit mendapati kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak selaras dengan kehendak surat pekeliling. Pada tahun 2009, Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat hanya diadakan sebanyak 2 kali, tahun 2010 sebanyak 3 kali manakala pada tahun 2011 sebanyak 2 kali. Bagaimanapun, kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan pada setiap mesyuarat. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 18 Oktober 2012, Syarikat secara dasarnya telah menjadualkan untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah 4 kali setahun dan terus komited mencapainya. Bagaimanapun, pada tahun 2013 dan seterusnya, Syarikat akan menentukan bahawa mesyuarat Lembaga Pengarah akan diadakan 4 kali setahun.**
- b. Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, antara perkara yang dibincangkan adalah berhubung laporan kewangan, laporan kemajuan pelaksanaan projek, prestasi kewangan, analisis kewangan, cadangan anggaran bajet dan kelulusan bajet tahunan serta pemberian sumbangan/ganjaran/bonus, pelantikan jawatankuasa, penetapan kadar bayaran elau Pengarah dan membuat keputusan berkaitan pelaburan dan pinjaman Syarikat. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah telah dilaksanakan dengan berkesan. Ini berdasarkan kepada agenda yang dibincangkan, kesinambungan perkara yang dibangkitkan dan tindakan susulan yang diambil. Semua perkara yang dibincangkan adalah berkaitan kepentingan dan objektif penubuhan Syarikat.

4.4.3.3. Mesyuarat Agung Tahunan

Artikel 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki Syarikat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada setiap tahun dan tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat

Agung yang lepas. Bagaimanapun, Syarikat boleh memohon daripada Pendaftar Syarikat untuk melanjutkan tempoh mengadakan Mesyuarat Agung atas alasan tertentu. Keingkaran mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan akan dikenakan penalti sebanyak RM5,000 manakala penalti ingkar sebanyak RM100. Selain itu, Artikel 42 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat juga menghendaki Mesyuarat Agung diadakan selaras dengan kehendak peruntukan dalam Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Syarikat telah mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dengan mengadakan Mesyuarat Agungnya pada setiap tahun.

4.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Syarikat menujuhan satu Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bertujuan memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai ahli tidak melebihi 3 orang. Dua daripadanya termasuk Pengurus mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang ahli dari orang luar iaitu bukan Pengarah dan bukan dari pengurusan syarikat induk berkenaan atau mana-mana syarikat subsidiari. Manakala seorang Ahli lagi mestilah mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja pengauditan dan perakaunan. Antara tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan sumber kewangan Syarikat diurus dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memastikan peruntukan statutori seperti yang di wajibkan oleh Akta Syarikat 1965 sentiasa dipatuhi sepenuhnya dan dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusinya.
- b. Semakan Audit mendapati, Syarikat tidak menujuhan Jawatankuasa Audit sebagaimana yang ditetapkan oleh pekeliling berkenaan. Tanggungjawab memastikan keutuhan kawalan dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 18 Oktober 2012, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis telah menujuhan Unit Audit Dalam (UAD) bertujuan mengawasi prestasi anak syarikat Perbadanan. Sehubungan dengan itu, Syarikat berhasrat menggunakan khidmat UAD Perbadanan memandangkan Syarikat hanya mempunyai 5 orang kakitangan.**

4.4.3.5. Pembayaran Dividen

Dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun hendaklah dibayar kepada Kerajaan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993. Semakan Audit mendapati Syarikat membuat pembayaran dividen berjumlah RM50,000 setahun mulai tahun 2011 kepada Perbadanan dan Syarikat Tele-Reach Sdn. Bhd. sebagai pemegang saham bersama, dengan masing-masing menerima RM25,500 dan RM24,500. Pembayaran adalah atas kadar 10%

daripada modal berbayar yang berjumlah RM500,000. Pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Perbadanan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

4.4.3.6. Kawalan Bajet

Perkara 2.1.1. FOP menghendaki Syarikat menyediakan bajet tahunan sebelum bermula tahun kewangan berikutnya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati, Syarikat ada menyediakan bajet tahun 2010 hingga 2012 dan telah dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan Perbadanan.

4.4.3.7. Pengurusan Aset

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menghendaki setiap syarikat milik Kerajaan mewujud serta meningkatkan sistem kawalan dan prosedur pengurusan syarikat. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan syarikat mewujudkan kawalan terhadap aset agar tidak berlaku kehilangan serta pembaziran antaranya dengan menjalankan verifikasi/pemeriksaan fizikal terhadap aset kepunyaan syarikat dari semasa ke semasa untuk memastikan sama ada aset syarikat masih berada dalam simpanan. Semakan Audit mendapati Syarikat ada menyentuh tentang pengurusan aset dalam FOP, namun tidak secara menyeluruh. Perkara yang dinyatakan dalam FOP hanya berkenaan perbelanjaan modal, polisi perakaunan dan susut nilai aset. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 18 Oktober 2012, Syarikat akan mengemas kini FOP sedia ada dengan mengambil kira aspek pengurusan aset merangkumi aset mudah alih dan aset tetap seperti menara telekomunikasi Syarikat.**

4.4.3.8. Pengurusan Pinjaman

Syarikat memperoleh kemudahan pinjaman Bai' Istisna' daripada Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) dengan had pembiayaan berjumlah RM10.20 juta. Baki Pinjaman Semasa belum selesai pada 31 Disember 2011 berjumlah RM1.36 juta manakala Pinjaman Bukan Semasa berjumlah RM4.02 juta. Kemudahan pinjaman digunakan untuk membiayai projek pembinaan menara telekomunikasi. Baki pinjaman belum selesai pada tahun 2011 berjumlah RM5.39 juta berbanding RM5.99 juta pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati pinjaman tersebut telah di bentang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pinjaman tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Perbadanan. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 18 Oktober 2012, usul berkenaan pinjaman bank oleh Syarikat akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan pada 15 Oktober 2012 untuk kelulusan.** Kedudukan baki pinjaman Syarikat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.6.**

Jadual 4.6
Kedudukan Pinjaman Syarikat Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

| Pinjaman | Tahun (RM) | | |
|-----------------------|------------------|------------------|------------------|
| | 2009 | 2010 | 2011 |
| Semasa | | | |
| Pinjaman Berjangka | 727,990 | 1,141,051 | 1,352,994 |
| Sewa Beli | 7,721 | 8,647 | 9,573 |
| Jumlah | 735,711 | 1,149,698 | 1,362,567 |
| Jangka Panjang | | | |
| Pinjaman Berjangka | 5,853,912 | 4,836,201 | 4,022,361 |
| Sewa Beli | 19,015 | 10,368 | 795 |
| Jumlah | 5,872,927 | 4,846,569 | 4,023,156 |
| Jumlah Besar | 6,608,638 | 5,996,267 | 5,385,723 |

Sumber: Rekod Syarikat

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan kawalan dalaman Syarikat adalah baik.

4.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan dan kewangan Syarikat adalah baik. Bagaimanapun, ia masih boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil kira syor berikut:

- 4.5.1. Meningkatkan tahap pengurusan kos bagi meningkatkan margin keuntungan.
- 4.5.2. Mempelbagaikan aktiviti yang dapat meningkatkan keuntungan Syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
14 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my